A **PUSAT RAWATAN ISLAM (MAIS) SDN BHD**

lwn.

PUSRAWI CORPORATION SDN BHD

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ZALEHA YUSOF PK
[PETISYEN PEMULA NO: 26-10-2004]
25 MEI 2009

C ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Hak-hak ahli - Penindasan - Tindakan di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 - Sama ada terdapat penindasan - Soal penindasan perlu diputuskan berdasarkan fakta setiap kes - Sama ada pemegang saham majoriti boleh memulakan tindakan di bawah s. 181 - Kegagalan memberikan notis mesyuarat kepada wakil*
D *pemegang saham majoriti - Niat tersembunyi untuk menyingkirkan pemegang saham dan mengambil alih perniagaan secara tipu helah - Pengecilan pegangan saham pemegang saham majoriti - Penindasan tidak perlu berterusan hingga tarikah pemfailan petisyen - Penindasan dibuktikan*

E ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Hak-hak ahli - Penindasan - Remedi - Penggulungan - Perintah penggulungan boleh dibuat walaupun syarikat dalam keadaan sihat - Remedi bergantung kepada fakta kes - Perintah penggulungan diberikan*

F Pempetisyen adalah pemegang saham terbesar (44.6%) dalam syarikat responden. Dato' Haji Mansur, setiausaha pempetisyen, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dan juga Pengerusi responden. Notis panggilan untuk beberapa Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah responden dan Mesyuarat Agung Tahunan
G responden telah tidak diberikan kepada Dato' Mansur. Menurut pihak responden, akibat pemindahan pejabat dan pengurusan baru, maka notis tersebut telah dihantar ke alamat rumah yang terdapat dalam rekod Setiausaha Syarikat. Alamat tersebut adalah alamat lama Dato' Mansur dan beliau tidak lagi tinggal di situ ketika itu.
H Pempetisyen menyatakan, bahawa adalah menjadi amalan sejak tahun 1999 di mana Dato' Mansur sebagai Pengerusi akan menetapkan tarikh dan tempat untuk mengadakan semua mesyuarat ahli Lembaga Pengarah responden. Semua notis-notis panggilan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah selama itu telah
I dialamatkan kepada Dato' Mansur ke pejabat beliau. Pihak responden menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui yang Dato' Mansur telah bertukar alamat kerana tiada pertukaran

alamat yang didaftarkan dengan Setiausaha Syarikat. Lanjutan daripada ini, semua resolusi telah diluluskan tanpa wakil daripada Pempetisyen dan telah memberi implikasi yang buruk kepada dan menindas kepentingan pempetisyen. Antara agenda yang diluluskan ialah Pengarah-Pengarah responden diberi kuasa untuk menerbitkan saham dari semasa ke semasa dengan harga tertentu dan ditujukan kepada orang tertentu yang dianggap sesuai oleh pengarah responden. Pempetisyen juga telah tidak diberi peluang untuk mengemukakan soalan berkaitan perniagaan responden di dalam bebarapa Mesyuarat Agung Tahunan responden. Justeru, pempetisyen telah memfailkan tindakan ini untuk memohon remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 atas alasan terdapat penindasan berterusan oleh pengarah-pengarah responden terhadapnya.

Diputuskan (memberikan perintah seperti yang dipohon):

(1) Tindakan responden tiba-tiba mengubah cara menyampaikan notis mesyuarat kepada alamat kediaman lama yang tidak lagi dihuni oleh Dato' Mansur benar-benar menunjukkan responden mempunyai niat tersembunyi untuk menyingkirkan pempetisyen dan mengambil alih keseluruhan perniagaan responden secara halus dan tipu helah. Ini merupakan satu penindasan yang keras terhadap Pempetisyen.

(2) Relif di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 adalah tidak terhad kepada perlindungan ahli-ahli minoriti syarikat malah dalam keadaan yang wajar perlindungan juga diberi kepada ahli majoriti.

(3) Penindasan yang diadukan tidak semestinya berterusan sehingga kepada tarikh pengemukakaan petisyen itu. Tindak tanduk responden dari tahun 2002 hingga tarikh prosiding ini dimulakan, terutamanya kegagalan memberi notis mesyuarat yang sempurna, sehingga pempetisyen kehilangan wakilnya dalam Lembaga Pengarah responden dan pengecilan pegangan sahamnya dalam responden, adalah satu bentuk penindasan yang dimaksudkan oleh s. 181 Akta Syarikat 1965 dan ianya berterusan. Notis yang tidak sempurna itu adalah satu perbuatan yang salah di pihak responden

(4) Fakta bahawa responden ialah sebuah syarikat yang sihat tidaklah boleh menyekat mahkamah daripada membuat perintah penggulungan. Setiap keputusan hendaklah bergantung kepada

keadaan dan fakta kes. Daripada remedi-remedi yang ada di bawah s. 181(2), berdasarkan keadaan dan fakta kes ini, penggulungan adalah cara yang terbaik.

Kes-kes yang dirujuk:

Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v. Chang Ching Chuen & Another [1995] 3 CLJ 639 CA ***(dirujuk)***

Chiew Sze Sun & Anor v. Cast Iron Products Sdn Bhd & Ors [1994] 1 CLJ 157 ***(dirujuk)***

Jaya Medical Consultants Sdn Bhd v. Island & Peninsular Bhd & Ors [1993] 1 LNS 32 ***(dirujuk)***

John J Starr (Real Estate) Pty Ltd v. Robert R Andrew (A Asia) Pty Ltd [1991] 9 ACLC 1 ***(dirujuk)***

Kumagai Gumi Company Ltd v. Zenecon-Kumagai Sdn Bhd & 5 Ors & Another Application [1994] 1 LNS 73 ***(dirujuk)***

Lee Nyuk Heng & Anor v. Pembangunan Ladang Hassan Sdn Bhd & Ors [2003] 8 CLJ 237 HC ***(dirujuk)***

Owen Sim Liang Khui v. Piasau Jaya Sdn Bhd & Anor [1996] 4 CLJ 716 FC ***(dirujuk)***

Re Great Eastern Electric Co Ltd [1941] 1 AUER 409 ***(dirujuk)***

Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors v. Ling Beng Sung [1978] 1 LNS 170 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 4, 8, 181(2), 236, 243

Sumber-sumber yang dirujuk:

Chan & Koh, *Malaysian Company Law, Principles and Practice,* 2nd edn, ms 724

Commercial Applications of Company Law in Malaysia, 2nd edn, ms 345

Bagi pihak pempetisyen - T/n Rashid Asari & Co
Bagi pihak responden - T/n Thangaraj & Assoc

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Zaleha Yusof PK:

Latar Belakang

[1] Pempetisyen dalam kes ini telah pada 27 Oktober 2004 memfailkan "originating motion" untuk memohon remedi di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 atas alasan terdapat penindasan berterusan oleh pengarah-pengarah responden terhadapnya semenjak tahun 2002.

[2] Responden ditubuhkan pada 4 Jun 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat yang dihadkan oleh saham. Modal saham dibenarkan ialah RM5 juta dan modal diterbitkan ialah RM837,183. Pada masa penubuhannya, pemegang saham dan jumlah saham yang dipegang ialah seperti yang berikut:

Pusat Rawatan Islam (MAIS) Sdn Bhd (pempetisyen)	–	373,418
Perbadanan Nasional Berhad	–	267,355
Mohd Shukri bin Abdul Rahman	–	117,688
Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon	–	35,522
Dato' Che Rus bin Mohammed Noor	–	33,600
Hasim bin Daud	–	3,216
Rismaton binti Mohd Aris	–	3,192
Mat Tarmizi bin Mohamed	–	3,192

[3] Jelas, bahawa pempetisyen adalah pemegang saham terbesar responden (44.6%). Justeru itu, Dato' Haji Mansur bin Ramli, setiausaha pempetisyen, yang juga Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor ketika itu, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dan juga Pengerusi responden.

[4] Daripada 1 Jun 1994 sehingga 30 Jun 2002, Mohd Shukri telah berkhidmat dengan pempetisyen sebagai Pengurus Besar dan pada masa yang sama Mohd Shukri telah dilantik sebagai Pengarah Urusan bagi responden pada 1 November 1995. Pada masa matan berkenaan, pegawai-pegawai pempetisyen dan responden seperti Mohd Shukri dan Mat Tarmizi adalah pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan pempetisyen dan responden. Mat Tarmizi telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pihak responden pada 25 Jun 1999. Seorang lagi Setiausaha Syarikat pihak responden adalah Wong Lai Wah.

[5] Semasa responden ditubuhkan, alamat berdaftar responden adalah di No. 6-3, Jalan 14/22, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan dan alamat perniagaan responden adalah di 41-1B, Jalan Perdana 6/6, Pandan Perdana, Kuala Lumpur.

A **[6]** Pada mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-10 yang diadakan pada 21 Mac 2002 yang dihadiri oleh kesemua Pengarah pihak responden yang termasuk wakil pempetisyen iaitu Dato' Mansur adalah dipersetujui bahawa oleh kerana pejabat responden akan berrpindah ke Kota Damansara maka, carta organisasi baru bagi
B pengurusan pihak responden telah dicadangkan dan Mohd Shukri telah dilantik sebagai Pengarah Urusan manakala Mat Tarmizi dilantik sebagai Pengurus Kewangan. Adalah juga dipersetujui semasa Lembaga Mesyuarat Ke-10 bahawa oleh kerana sebahagian daripada kakitangan di dalam carta organisasi yang baru adalah
C kakitangan yang masih berkhidmat dengan pempetisyen, maka adalah diputuskan bahawa kakitangan berkenaan yang termasuk Mohd Shukri dan Mat Tarmizi akan diserapkan sepenuhnya ke dalam organisasi responden.

D **[7]** Selaras dengan keputusan berkenaan, pihak pempetisyen telah memberi notis penamatan bertarikh 2 Mei 2002 kepada Mat Tarmizi yang menyatakan diantara lain bahawa notis penamatan dihantar akibat program penyusunan semula yang diambil oleh pempetisyen dan adalah selaras dengan penerimaan jawatan baru
E oleh Mat Tarmizi dengan pihak responden mulai 1 Mei 2002.

[8] Selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah Ke-10 pihak responden, Mohd Shukri juga telah memberi notis persaraan pilihan yang bertarikh 1 April 2002 dan persaraan Mohd Shukri yang
F berkuatkuasa pada 30 Jun 2002 telah diluluskan melalui surat pihak pempetisyen yang bertarikh 25 Jun 2002.

[9] Pihak pempetisyen juga telah melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-81 pihak pempetisyen yang diadakan pada 15 April 2002 telah bersetuju untuk menjual segala peralatan pejabat di
G pejabat urusan pihak pempetisyen di Petaling Jaya kepada pihak responden dan telah bersetuju untuk membenarkan pihak responden berpindah dan menjalankan urusannya di pejabat yang baru di No. 22, Jalan Pekaka 8/3, Seksyen 8, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

H **[10]** Setakat 31 Jun 2002, kedudukan pemilik saham pihak responden adalah seperti berikut:

I

Pemegang Saham	Jumlah Syer
a) Pempetisyen	373,418 (44.6%)
b) Dato' Che Rus bin Mohammed Noor	33,600 (4.01%)
c) Mohd Shukri bin Abdul Rahman	117,688 (14.05%)
d) Perbadanan Nasional Berhad	267,355 (31.93%)
e) Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salaman	35,522 (4.24%)
f) Hasim bin Daud	3,216 (0.38%)
g) Rismaton bt Mohamad Aris	3,192 (0.38%)
h) Mat Tarmizi bin Mohamed	3,192 (0.38%)
Jumlah saham:	837,183

Penindasan

[11] Notis panggilan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah responden kali ke 11 yang dijadualkan pada 19 September 2002, Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 9 yang dijadualkan pada 4 Oktober 2002 dan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kali ke 12 pada 30 Disember 2002 telah tidak diberikan kepada Dato' Mansur selaku Pengarah yang mewakili kepentingan pempetisyen. Alasan yang diberi oleh pihak responden ialah bahawa akibat pemindahan pejabat dan dengan pengurusan baru yang mengendalikan pengurusan responden, maka notis itu telah dihantar ke alamat rumah yang terdapat dalam rekod Setiausaha Syarikat. Perlu dinyatakan, alamat tersebut adalah alamat lama Dato' Mansur dan beliau tidak lagi tinggal di situ ketika itu.

[12] Pempetisyen menyatakan, telah menjadi amalan sejak tahun 1999, semua notis panggilan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah responden akan ditetapkan oleh Setiausaha Syarikat responden, Mat Tarmizi yang akan membuat pengesahan terlebih dahulu dengan Pembantu Khas kepada Dato' Mansur dan mempastikan tarikh yang dicadangkan adalah sesuai dengan tarikh Dato' Mansur kerana Dato' Mansur adalah Pengerusi responden. Hanya setelah pengesahan dibuat, barulah notis panggilan mesyuarat akan dikeluarkan oleh setiausaha syarikat responden tersebut. Sebagai Pengerusi, beliau yang akan menetapkan tarikh dan tempat untuk mengadakan mesyuarat. Semua notis-notis panggilan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah selama ini telah dialamatkan kepada Dato' Mansur ke pejabat beliau yang sememangnya telah lama diketahui oleh Setiausaha Syarikat dan Pengarah-pengarah responden yang lain.

[13] Perkara yang sama berulang ketika Mesyuarat Agung Tahunan responden kali ke 9 pada 4 Oktober 2002 dan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kali ke 12 yang diadakan pada 30 Disember 2002; yang mana tiada notis diserahkan kepada wakil pempetisyen, Dato' Mansur.

[14] Pihak responden menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui yang Dato' Mansur telah bertukar alamat kerana tiada pertukaran alamat yang didaftarkan dengan Setiausaha Syarikat. Peguamcara responden telah berhujah bahawa notis dihantar sedemikian kerana ianya mengikut Article of Association responden. Amalan-amalan selama ini mengikut beliau, tidak boleh diterima kecuali dinyatakan di dalam Article of Association.

[15] Akibat daripada kegagalan Setiausaha responden menyampaikan notis panggilan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah, semua resolusi yang diluluskan adalah tanpa wakil daripada pempetisyen yang merupakan pemegang saham terbesar responden. Resolusi yang diluluskan tanpa kehadiran Dato' Mansur mewakili pempetisyen akhirnya memberi implikasi yang buruk dan menindas kepentingan pempetisyen sebagai pemegang saham responden antaranya seperti di bawah:

(i) Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri yang hanya memegang saham sebanyak 35,522 sahaja dalam pegangan syarikat responden dilantik sebagai Pengerusi responden bagi tempoh 19 September 2002 hingga 18 September 2004 menggantikan Dato' Mansur.

(ii) Dato' Mansur dipecat sebagai Pengarah responden ketika Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke 12 pada 30 Disember 2002.

(iii) Pembentangan Laporan Kewangan bagi April 2002 yang meragukan kerana sesalinan tidak dilampirkan bersama untuk penelitian Dato' Mansur.

(iv) Terdapat dua orang Pakar Perunding luar memohon untuk menyertai Skim Proponent PNS dan pihak pengurusan responden mencadangkan kedua-dua mereka ditawarkan 5% saham yang akan dibeli/ditebus daripada PNS sedangkan sekiranya tawaran hendak dibuat, sepatutnya pempetisyenlah yang terlebih dahulu ditawarkan sebelum ia ditawarkan kepada pihak luar.

[16] Perlu disebut, antara agenda yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke 9 ialah Pengarah-Pengarah responden diberi kuasa untuk menerbitkan saham dari semasa ke semasa dengan harga tertentu dan ditujukan kepada orang tertentu yang dianggap sesuai oleh Pengarah-Pengarah responden. Pempetisyen menyatakan bahawa pempetisyen tidak tahu menahu bagaimana saham baru responden diterbitkan kepada Pusrawi Engineering Sdn Bhd dan pempetisyen juga tidak pernah dimaklumkan dengan pinjaman daripada Bank Pembangunan untuk satu jumlah yang besar melebihi RM2 juta dibuat.

[17] Selepas Dato' Mansur dipecat, pempetisyen diwakili oleh Dato' Md Aini bin Md Taib di Mesyuarat Agung Tahunan responden kali ke 10. Di mesyuarat itu pempetisyen menyatakan beliau tidak diberi peluang untuk mengemukakan soalan berkaitan perniagaan responden dan hanya setelah bertengkar, beliau hanya dibenarkan untuk bertanya satu soalan sahaja. Wakil-wakil responden juga enggan membenarkan soalan-soalan dikemukakan berkenaan perniagaan responden dan ada soalan-soalan pempetisyen tidak dijawab.

[18] Perkara yang sama berlaku pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 11 pada 12 Oktober 2004 yang mana wakil pempetisyen dihalang daripada mengemukakan soalan dan tiada penerangan diberikan kepada pempetisyen berkenaan dengan kenaikan saham oleh pemegang saham lain sedia ada dan pemegang saham baru terutamanya Pusrawi Engineering Sdn Bhd yang merupakan syarikat milik penuh responden yang sahamnya dipegang oleh Mohd Syukri.

A

Pendapat

[19] Saya telah meneliti semua dokumen dan hujah kedua-dua pihak. Dengan hormatnya, saya tidak bersetuju dengan hujahan peguamcara responden tentang penyampaian notis dan
B pemakluman mesyuarat berkenaan. Amalan untuk Pengerusi dirundingi untuk menentukan tarikh mesyuarat diadakan walaupun tidak termaktub di dalam Article of Association, bukanlah perkara yang pelik. Malah itu juga petanda hormat kepada pengerusi itu sendiri. Pada pandangan saya juga, jika pengerusi tidak dirundingi,
C itu yang lebih pelik. Mengapa responden tiba-tiba menjadi begitu tegas untuk mengikut alamat yang didaftarkan? Tindakan responden tiba-tiba mengubah cara menyampaikan notis mesyuarat kepada alamat kediaman lama yang tidak lagi dihuni oleh Dato' Mansur pada pandangan saya benar-benar menunjukkan responden
D mempunyai niat tersembunyi untuk menyingkirkan pempetisyen dan mengambil alih keseluruhan perniagaan responden secara halus dan tipu helah dan ini saya berpendapat merupakan satu penindasan yang keras terhadap pempetisyen. Pada pandangan saya juga, kehadiran Dato' Mansur dalam setiap mesyuarat sangat penting
E kerana beliau mewakili pempetisyen yang merupakan pemegang saham terbesar responden dan sebarang keputusan akan memberi kesan kepada pempetisyen sebagai sebuah syarikat dan bukan atas kapasiti beliau sebagai individu seperti mana pemegang-pemegang saham yang lain. Oleh itu, notis mengikut amalan biasa oleh
F responden tidak boleh sewenang-wenangnya ditukar tanpa mendapat pengesahan dan persetujuan daripada Dato' Mansur, selaku pengerusi, terlebih dahulu.

[20] Saya seterusnya berpendapat bahawa kegagalan responden
G untuk menyerahkan notis panggilan mesyuarat sehingga menyebabkan Dato' Mansur tidak hadir pada setiap mesyuarat ahli Lembaga Pengarah telah menyebabkan hak dan kepentingan pempetisyen sebagai pemegang saham terbesar responden telah ditindas dengan penyingkiran Dato' Mansur sebagai ahli Lembaga
H Pengarah responden dan juga menerbitkan saham kepada orang-orang tertentu hingga membelakangkan hak dan kepentingan pempetisyen.

[21] Adalah juga jelas, akibat daripada kegagalan responden menyerahkan notis yang sempurna kepada pempetisyen itu,
I pelbagai resolusi telah diluluskan tanpa pengetahuan pempetisyen yang mengakibatkan pegangan saham pempetisyen telah menjadi

semakin kecil dan diprejudiskan serta telah memberi kepentingan kepada Pengarah-Pengarah responden secara individu sedangkan pempetisyen tidak diwakili oleh mana-mana Pengarah. Malahan Mohd Syukri dan lain-lain pengarah telah menambah jumlah saham mereka dengan penjualan saham PNS kepada mereka tanpa pengetahuan pempetisyen dan ini dapat dirujuk kepada Annual Return bagi tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003 di dalam eks. R Lampiran 1 sebagai bukti penindasan di mana saham Mohd Syukri yang dahulunya cuma 107,688 telah bertambah kepada 282,801 saham. Adalah nyata bahawa saham pempetisyen yang dahulunya sebanyak 44.6% kini mengecil sehingga kepada 21.34% sahaja.

[22] Relif di bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 adalah tidak terhad kepada perlindungan ahli-ahli minoriti syarikat malah dalam keadaan yang wajar perlindungan juga diberi kepada ahli majoriti. Dalam kes *Kumagai Gumi Company Ltd v. Zenecon-Kumagai Sdn Bhd & Ors.* [1994] 1 LNS 73, diputuskan bahawa:

> ... Relief under section 181 is available to majority shareholders who are not in control of the management of the company and who, for any given reason, are unable to control the board ...

Rujuk juga keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Owen Sim Liang Khui v. Piasau Jaya Sdn Bhd & Anor* [1996] 4 CLJ 716. Sememangnya pempetisyen bukanlah ahli majoriti, tetapi pempetisyen adalah pada muIanya pemegang saham terbesar responden.

[23] Perkataan "oppressive" bawah s. 181 Akta Syarikat 1965 tidak diberi definasi di bawah Akta itu. Chan & Koh on *Malaysian Company Law, Principles and Practice*, 2nd edn di ms 724 telah memetik ke *Jaya Medical Consultants Sdn Bhd v. Island & Peninsular Bhd & Ors* [1993] 1 LNS 32 bagi membincangkan maksud "oppression" dengan menyatakan "each case has to be examined in the light of its own particular facts ..." dan "oppression does not necessarily mean illegal or fraudulent nor does it require fraud".

[24] Penindasan yang diadukan tidak semestinya berterusan sehingga kepada tarikh pengemukakaan petisyen itu. Ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Owen Sim Liang Khui* yang disebut di atas. Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, saya berpendapat tindak tanduk responden dari tahun 2002 hingga tarikh prosiding ini dimulakan, terutamanya

kegagalan memberi notis mesyuarat yang sempurna, sehingga pempetisyen kehilangan wakilnya dalam Lembaga Pengarah responden dan pengecilan pegangan sahamnya dalam responden, adalah satu bentuk penindasan yang dimaksudkan oleh s. 181 Akta Syarikat 1965 dan ia pada pandangan saya berterusan. Notis yang tidak sempurna itu adalah satu perbuatan yang salah di pihak responden seperti yang diputuskan oleh YA Datuk Gopal Sri Ram, Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes *Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v. Chang Ching Chuen & Ors & Another Case* [1995] 3 CLJ 639 seperti yang berikut:

Held 1.

> The validity of all that transpired at the meeting depends upon whether proper notice of that meeting had been served upon the other members of the board by the second Defendant as the secretary of the First Defendant.

Held No 2

> ... There can be no doubt that the votes of the Plaintiff would have, without difficulty, prevailed over those of the defendants and that therefore, there would have been material difference in the event Plaintiffs had been notified of the meeting.

Juga rujuk kes *Lee Nyuk Heng & Anor v. Pembangunan Ladang Hassan Sdn Bhd & Ors* [2003] 8 CLJ 237, di mana Yang Arif Ian HC Chin J memutuskan di Held (3):

> The appointment of the 5th Defendant as Chairman and the removal of the 1st Plaintiff as managing director were invalid as they were acts that flowed from an invalid notice of meeting.

[25] Saya juga ingin merujuk buku *Commercial Applications of Company Law in Malaysia*, 2nd edn di ms 345 seperti yang berikut:

> **Oppressive conduct of board meetings or general meetings**
>
> Where board meetings or general meetings of a company are conducted in an unfair manner, **this can constitute oppression.**

Buku tersebut merujuk kepada kes *John J Starr (Real Estate) Pty Ltd v. Robert R Andrew (A Asia) Pty Ltd* [1991] 9 ACLC 1, 372 yang menyatakan:

> ... restricted the speaking time available to directors at board meetings when significant matters need to be discussed and made major decisions without reference to board of directors,the Court held that the way in which **the board meetings were conducted was oppressive.**

Hal ini samalah seperti dalam kes ini yang mana wakil pempetisyen telah dihalang/tidak diberi peluang mengemukakan soalan pada mesyuarat yang diadakan.

Keputusan

[26] Seperti yang disebut di atas, saya telah mendapati memang terdapat penindasan dalam kes ini. Setelah mendapati bahawa terdapat penindasan yang berterusan, apakah bentuk remedi yang boleh diberikan oleh mahkamah? Subseksyen 181(2) Akta Syarikat 1965 menyatakan seperti yang berikut:

> If on such application the Court is of the opinion that either of those grounds is established the Court may, with the view to bringing to an end or remedying the matters complained of, make such order as it thinks fit and without prejudice to the generality of the foregoing the order may:
>
> (a) direct or prohibit any act or cancel or vary any transaction or resolution;
>
> (b) regulate the conduct of the affairs of the company in future;
>
> (c) provide for the purchase of the shares or debentures of the company by other members or holders of debentures of the company or by the company itself;
>
> (d) in the case of a purchase of shares by the company provide for a reduction accordingly of the company's capital; or
>
> (e) provide that the company be wound up.

[27] Privy Council dalam kes *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors v. Ling Beng Sung* [1978] 1 LNS 170 yang diikuti oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Chiew Sze Sun & Anor v. Cast Iron Products Sdn Bhd & Ors* [1994] 1 CLJ 157 menyatakan bahawa mahkamah hendaklah menimbangkan sifat drastik jika perintah penggulungan itu dibuat terutamanya bagi syarikat yang sihat (going concern). Namun pada pandangan saya adalah tidak boleh dinyatakan bahawa remedi menggulungkan syarikat tidak boleh diberi dalam keadaaan sedemikian. Pada pandangan saya, fakta

A bahawa responden ialah sebuah syarikat yang sihat tidaklah boleh menyekat mahkamah daripada membuat perintah penggulungan. Setiap keputusan hendaklah bergantung kepada keadaan dan fakta kes. Dalam kes ini keadaan telah menjadi terlalu rumit kerana pelbagai resolusi telah dibuat sejak mula peristiwa penindasan
B berlaku. Jika mahkamah membenarkan remedi di bawah perenggan 2(a) kepada s. 181 itu misalnya, iaitu dengan membatalkan resolusi-resolusi yang dibuat di dalam mesyuarat yang telah diadakan, implikasinya amatlah besar terhadap keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh syarikat selama ini. Hal ehwal syarikat akan
C menjadi lebih huru hara. Contohnya, apa akan terjadi kepada segala kontrak yang telah dimasuki? Dalam keadaan dan fakta kes di hadapan Mahkamah ini, saya juga berpendapat bahawa Mahkamah ini tidak mempunyai kepakaran untuk memberikan remedi di bawah perenggan (b).

D

[28] Justeru setelah meneliti remedi-remedi yang ada di bawah subseksyen 2 ini, berdasarkan keadaan dan fakta kes ini, saya berpendapat penggulungan adalah satu cara yang terbaik. Pada pandangan saya penggulungan tidaklah mematikan entiti syarikat itu
E malah sesuatu syarikat itu tetap wujud entitinya setelah digulungkan. Apa yang sebenarnya terjadi ialah ia akan diletakkan di bawah Pelikuidasi yang akan mentadbirkan hal-ehwal syarikat mengikut kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta Syarikat itu. Pelikuidasi bukanlah terhad kepada Pegawai Penerima Malaysia
F sahaja. Ianya termasuklah "approved company auditor" seperti yang disebut di bawah s. 4 dan s. 8 Akta Syarikat 1965. Terdapat ramai juruaudit yang berkebolehan untuk melaksanakan tugas ini sekiranya Pegawai Penerima difikirkan telah terlalu dibebani. Dengan adanya perintah penggulungan dan Pelikuidasi dilantik,
G siasatan yang rapi boleh dibuat oleh Pelikuidasi untuk memastikan tiada penipuan atau frod atau penyelewangan oleh mana-mana ahli Lembaga Pengarah. Seksyen 236 Akta Syarikat 1965 membenarkan Pelikuidasi, dengan kuasa yang diberi sama ada oleh Mahkamah atau Jawatankuasa Pemeriksa meneruskan dengan perniagaan
H syarikat yang digulungkan. Walaupun nampaknya kuasa yang diberikan adalah terhad, di dalam buku Companies Winding-up Handbook oleh MLJ ada memetik kes *Re Great Eastern Electric Co Ltd* [1941] 1 AUER 409 yang menyatakan "However, provided that a liquidator *bona fide* and reasonably forms the opinion that
I carrying on business was necessary for the beneficial winding up, he will not be penalised if proved wrong." Selain daripada itu

setelah hal ehwal syarikat diperbetulkan, sekiranya ternyata bahawa syarikat itu adalah "solvent" dan perlakuan syarikat tidak bertentangan dengan "commercial morality" atau pun kepentingan awam, satu penggantungan prosiding penggulungan di bawah s. 243 Akta Syarikat boleh dibuat yang membolehkan responden bebas semula.

[29] Atas alasan-alasan di atas, saya memberikan perintah seperti yang dipohon dalam Kandungan (1) itu.